



Kongsi ilmu

UPM, penduduk anjur
pertanian bandaran »6

KONGSI ilmu PERTANIAN bandaran

UPM bersama persatuan penduduk anjur
Program Bangi Green Putra 2015



PENDUDUK diberi penerangan mengenai pokok yang sesuai ditanam.



RENCANA

Oleh Mohamad Hussin
mohamad_hussin@hmetro.com.my

Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Persatuan Penduduk Seksyen 7/3 Bandar Baru Bangi menganjurkan Program Bangi Green Putra 2015, baru-baru ini.

Program pertanian di kawasan bandar itu bagi mengeluarkan produk seperti sayuran, buah-buahan, tanaman hiasan, ulaman dan herba.

Majlis disempurnakan Pendaftar UPM, Datuk Wan Azman Wan Omar. Hadir sama, Pengarah Program Bangi Green Putra 2015, Dr Nor Asma Ab Razak dan Pengerusi Persatuan Penduduk Seksyen 7/3 Bandar Baru Bangi, Putra Nurwan Shah Baharuddin.

Lebih 100 penduduk Bandar Baru Bangi menyertai program itu.

Wan Azman berkata, Bangi Green Putra 2015 adalah satu bentuk projek pertanian bandaran yang menyumbangkan ilmu dan kemahiran kepada komuniti bandar melalui kerjasama pelbagai agensi.

Beliau berkata, projek itu

"Kita pasti berpuas hati menikmati setiap suapan makanan dengan sayur-sayuran dan ulam-ulam segar yang ditanam sendiri tanpa dicemari racun sekaligus mengurangkan perbelanjaan dapur"

Wan Azman

untuk mencaip matlamat Pelan Strategik Universiti iaitu melonjakkan perkhidmatan jaringan industri dan masyarakat.

Di UPM, katanya pertanian bandaran dipraktikkan Taman Pertanian Universiti dan hasil yang diperoleh dapat menjana pendapatan universiti.

"Kini, banyak institusi dan orang perseorangan mula bertani dan aktiviti bercucuk tanam menerusi pertanian bandaran yang menggunakan pelbagai teknologi bermanfaat kepada kita sendiri walaupun dalam kawasan terhad.

"Pada hari ini kehidupan sudah berubah. Jika dulu kita bertani di kawasan persekitaran yang luas, malah ada yang memiliki kebun, kini kita boleh tanam sayur-sayuran di kawasan persekitaran rumah.

"Kini, melalui teknologi pertanian bandaran dengan ruang terhad di laman dan belakang rumah, kita boleh bertani," katanya.

Beliau menggesa penduduk mengumpul ilmu dan kemahiran menjadikan projek ini sebagai pencetus ke-

pada masyarakat untuk bercucuk-tanam di rumah.

"Kita pasti berpuas hati menikmati setiap suapan makanan dengan sayur-sayuran dan ulam-ulam segar yang ditanam sendiri tanpa dicemari racun sekaligus mengurangkan perbelanjaan dapur.

"Peranan UPM adalah untuk berkongsi kepakaran dan melaksanakan pemindahan ilmu kepada komuniti menerusi kerjasama strategik Industri dan Masyarakat.

"Projek ini salah satu kreativiti staf UPM yang terabit dalam program pementoran anjuran Pejabat Pendaftar bagi membimbing pegawai pengurusan dan profesional lantikan baru mengembangkan potensi diri," katanya.

Menurutnya, pemilihan lokasi amatlah dititikberatkan bagi menjayakan projek ini di mana persatuan yang bergiat aktif, kawasan yang lapang dan komitmen dari peserta dan guru amat penting.

"Maka, terjalinlah hubungan kerjasama di antara UPM dengan agensi kerajaan iaitu Jabatan Pertanian dan pihak komuniti. Ini

digabungkan menerusi penganjuran program pengemblemengan kepakaran selari dengan keperluan dan dasar kerajaan.

"Ia termasuk menangani permasalahan sosial negara dan melaksanakan transformasi untuk kemajuan dan kesejahteraan masyarakat.

"Saya berterima kasih kepada Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTO), Institut Biosains (IBS), Pusat Pertanian Universiti (TPU), Fakulti Pertanian dan Pendidikan Kesihatan dan Sarung Kanser Wanita (CARE) UPM yang membantu dari segi kewangan dan kepakaran intelektual yang turut membantu menjayakan projek ini," katanya.

INFO: Kelebihan pertanian bandaran:

- Jaminan dan keselamatan makanan di kawasan bandar
- Pembangunan ekonomi setempat
- Pengurusan lestari persekitaran bandar seperti mengurangkan jarak pergerakan hasil segar, penghijauan bandar dan pengawalan jejak karbon
- Impak sosial dan ekonomi dari segi pengurangan perbelanjaan isi rumah, sumber kewangan bagi yang berpendapatan rendah dan masyarakat harmoni kerana aktiviti yang lebih berbentuk kekeluargaan dan komuniti
- Penggunaan tanah yang optima
- Mencantikkan kawasan
- Mengeratkan lagi hubungan komuniti, universiti dan agensi kerajaan



WAN Azman menanam pokok selepas pelancaran Bangi Green Putra 2015.



WAN Azman (duduk tiga dari kanan) bersama penduduk Bandar Baru Bangi.



KAWASAN wakaf yang ditanam pokok.